



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

LHDNM PRIHATIN, SUMBANGKAN ALAT BANTUAN MENGAJAR

Wangsa Maju, 12 September 2018 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melalui Cawangan Wangsa Maju dan Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya (PPN WP Putrajaya) meneruskan keprihatinannya dengan menyumbangkan Alat Bantuan Mengajar (ABM) berupa peralatan teknologi maklumat kepada lima buah sekolah dalam Parlimen Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Majlis penyerahan sumbangan ABM tersebut telah berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan Wangsa Maju Seksyen 2 dan disempurnakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, Ahli Parlimen Wangsa Maju. Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg. Datin Wan Azni Binti Wan Hassan, Pengarah Negeri PPN WP Putrajaya, Pn. Rozina Shaik Osman Merican, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat LHDNM, En. Azizol Ahmad, Pengarah LHDNM Cawangan Wangsa Maju dan wakil dari Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan di sekitar Wangsa Maju.

Menurut YB. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, keprihatinan LHDNM sebagai sebuah agensi kerajaan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dan kebajikan seumpama ini amat dipuji. Ini kerana perihal kebajikan rakyat tidak boleh diserahkan semuanya kepada bahu kerajaan semata-mata, sebaliknya setiap agensi dan penjawat awam hendaklah memainkan peranan masing-masing agar kemakmuran negara dapat dikongsi.

bersama-sama. Melalui ABM ini, kerajaan percaya ia dapat memudahkan sekolah menyampaikan ilmu dengan lebih berkesan dan membantu pelajar mencapai keputusan lebih baik dalam pelajaran serta mencipta masa hadapan yang lebih cemerlang.

Sementara itu, YBhg. Datin Wan Azni Wan Hassan yang mewakili LHDNM pada majlis tersebut pula berharap sumbangan ABM ini turut berupaya meningkatkan motivasi para guru dalam mendidik pelajar mereka dengan kaedah yang lebih kreatif dan terkini. Pelajar masa kini amat berbeza dengan zaman dahulu, justeru kaedah yang digunakan dalam mendidik mereka juga pasti berbeza. Ujar beliau lagi, sumbangan ini mungkin dilihat kecil tetapi amat besar maknanya kepada pihak sekolah dalam membantu mereka mendidik generasi yang akan mewarisi negara pada masa hadapan.

Lima buah sekolah yang menerima sumbangan ABM tersebut ialah:

- i. Sekolah Menengah Kebangsaan Wangsa Maju, Seksyen 2
- ii. Sekolah Menengah Kebangsaan Wangsa Maju Zon R1
- iii. Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Air Panas
- iv. Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Setapak
- v. Sekolah Menengah Kebangsaan Wangsa Melawati

Bersempena dengan sambutan Bulan Kebangsaan 2018 dan Hari Malaysia yang akan diraikan pada 16 September ini, LHDNM dengan kerjasama pihak SMK Wangsa Maju Seksyen 2 turut menganjurkan ceramah motivasi bertajuk 'Sayangi Malaysiaku' pada majlis tersebut. Ia bukan sahaja dapat menerapkan semangat patriotik dalam kalangan pelajar, malah ia turut berperanan dalam memberikan kesedaran kepada hadirin yang hadir mengenai manfaat serta kepentingan cukai dalam membangunkan Malaysia yang tercinta.



Gambar 1: YB Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew ketika menyampaikan ucapan perasmian program.



Gambar 2: YB Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew dan YBhg. Datin Wan Azni Binti Wan Hassan, Pengarah Negeri PPN WP Putrajaya (dua dari kanan) bergambar kenangan dengan wakil penerima sumbangan.



Gambar 3: YB Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew merakamkan gambar kenangan bersama murid-murid dan guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Wangsa Maju Seksyen 2.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Moving  **Towards**
Together Excellence

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 12 September 2018

Kenyataan Media LHDNM, 12 September 2018